

# Gigih bantu rapatkan jurang budaya Asia Selatan, S'pura

Lulusan NUS dianugerah Hadiah Memorial Syed Ahmad Khan, Universiti Muslim Aligarh

► FAKHRURADZI ISMAIL  
mfismail@sph.com.sg

Minat pada isu yang menyelubungi rantau Asia Selatan mendorong beliau mengikuti bidang sosiologi di universiti agar dapat menyumbang kepada pelbagai hal, termasuk penyerataan tenaga kerja, bahasa dan isu sosial yang lain.

Bagi Cik Zara Karimi, minat itu lahir daripada pengalamannya sendiri sebagaimana seorang imigran India yang kini rakyat Singapura.

Meskipun menjadi warga Singapura dan telah menetap di sini hampir se-

panjang hayatnya, Cik Zara sering berasa perbezaan budaya yang ketara antara dua dunia ini.

Justeru, beliau terdorong membantu dalam usaha merapatkan jurang itu menerusi program yang disertainya di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan kajian yang dilakukannya bagi tesis serta modul pengajian bebas (ISM).

"Budaya dalam kalangan rakan sebaya Singapura saya di sekolah jauh berbeza daripada apa yang saya alami di rumah dan dalam masyarakat saya sendiri."

"Menelusuri jurang budaya merupakan minat utama saya dalam masyarakat Asia Selatan Singapura.

"Tesis dan ISM yang saya hasilkan tertumpu pada wanita migran dari India di Singapura, dan pengalaman tenaga kerja serta penghijrahan mereka sebagai seorang wanita," kata Cik Zara, 24 tahun, lulusan Kolej NUS (NUSC), yang sebelum ini dikenali sebagai Program Cendekiawan Universiti (USP).

Komitmen Cik Zara untuk mengkaji isu-isu itu mendapat pengiktirafan baru-baru ini apabila beliau dianugerahi Hadiah Memorial Syed Ahmad Khan, Universiti Muslim Aligarh (AMU) Singapura.

Cik Zara, yang baru-baru ini menerima ijazah sarjana muda Sastera/Sains Kemasyarakatan (Kepujian) NUS dan ijazah sarjana muda Sastera Sains Po Paris di bawah sebuah program ijazah berganda, penerima kedua hadiah itu

men kuat terhadap pengajaran dan budaya Asia Selatan.

Setiap tahun, sejak 2022, dua pelajar yang menamatkan pengajaran di NUSC dipilih untuk menerima hadiah wang tunai \$250 setiap seorang, tanpa kewajipan etnik atau kewarganegaraan mereka.

Hadiah itu disumbang oleh Persatuan Alumni Universiti Muslim Aligarh (AMU) Singapura.

Cik Zara, yang baru-baru ini menerima ijazah sarjana muda Sastera/Sains Kemasyarakatan (Kepujian) NUS dan ijazah sarjana muda Sastera Sains Po Paris di bawah sebuah program ijazah berganda, penerima kedua hadiah itu

dan penerima Islam pertama.

Mengenai pengiktirafan tersebut, Cik Zara berkata: "Saya amat bersesuaian dengan pengiktirafan ini kerana saya merasa bahawa ini adalah pengiktirafan yang sepatutnya."

"Saya tidak pernah menjangka apa pengiktirafan bagi minat saya ini, jadi saya sangat berterima kasih kepada komuniti profesor dan rakan sebaya saya dari Sciences Po Paris, Kolej NUS dan Jabatan Sosiologi dan Antropologi NUS yang telah menyokong saya sepanjang empat tahun saya di universiti, dan membolehkan saya memenangi anugerah ini."

Dekan Kolej NUS, yang juga naib provost, atau naib ketua pentadbir (inovasi pendidikan), NUS, Profesor Simon Chesterman, berharap pengiktirafan sedemikian akan menjadi perangsang kepada mahasiswa lain.

"Kami amat berbangga dengan pelajar seperti Cik Zara, yang telah memberi kesan kepada masyarakat walau pun ketika itu sedang mengimbangi pelajarannya."

"Hadiah seperti Memorial Syed Ahmad Khan AMU sebaiknya merupakan pengiktirafan akan bakat dan pencapaian Cik Zara, tetapi ia juga menjadi inspirasi kepada pelajar lain – dan, sememangnya, merangsang usaha fakulti dan kakitangan kami juga," ujarnya.



**KAJ PERIHAL IMIGRAN WANITA:** Cik Zara Karimi memberi tumpuan kepada imigran wanita dari India di Singapura dan pengalaman tenaga kerja serta penghijrahan mereka dalam tesis dan kajian beliau. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

**“** Budaya dalam kalangan rakan sebaya Singapura saya di sekolah jauh berbeza daripada apa yang saya alami di rumah dan dalam masyarakat saya sendiri. Menelusuri jurang budaya merupakan minat utama saya dalam masyarakat Asia Selatan Singapura.

– Cik Zara Karimi, lulusan NUS yang menerima Hadiah Memorial Syed Ahmad Khan, Universiti Muslim Aligarh (AMU).